

21 JUL 1999

Mahathir-Tingkap (Fokus Berita)

LAWATAN DUA HARI MAHATHIR KE NEGERI KEDAH

Oleh: Zulkefli Salleh

ALOR SETAR, 21 Julai (Bernama) -- Garis perbezaan antara seorang negarawan dengan ahli politik memang sukar dilihat apatah lagi apabila pemimpin itu seorang Perdana Menteri yang sedang menghadapi pilihan raya umum sebagai presiden sebuah parti yang memerintah.

Justeru setiap buah fikiran, pandangan, nasihat dan amaran yang diutarakan kepada masyarakat mudah dianggap sebagai cakap-cakap politik untuk kepentingan politik peribadi dan partinya.

Hanya setelah debu-debu pertarungan politik hilang ditiup angin zaman dan selepas pemimpin berkenaan berundur, baru masyarakat dapat melihat kenegarawan dan kebenaran kata-kata dan tindak tanduknya. Begitulah sejarah terus berulang.

Jika nanti masa yang membuktikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah antara negarawan sebenar, barangkali senario lawatan anggota Parlimen Kubang Pasu dan Perdana Menteri itu untuk berjumpa dengan penduduk kawasan yang diwakilinya boleh dijadikan jendela melihat pentas sejarah berulang.

Lawatan dua hari Perdana Menteri ke Kedah, bagi penulis yang mengikutinya dari awal hingga akhir, memberi sekilas gambaran liku-liku perjalanan dan ranjau yang diharungi seorang pemimpin dalam menegakkan cita-cita perjuangan bangsa, agama dan negaranya.

Memang "kisah dan senandungnya" lawatan kurang 48 jam itu adalah cerita dan lagu lama yang mungkin membosankan mata dan telinga mereka yang kurang peka dengan nasib dan masa depan saudara sebangsa dan seagama.

Bagi mereka yang skeptikal terhadap orang politik, lawatan itu tidak lebih daripada usaha seorang ahli politik untuk mengekalkan pengaruh diri dan partinya menjelang pilihan raya umum.

Mesej Dr Mahathir dalam ucapan-ucapannya tetap sama -- pelihara perpaduan, hidup berbudi luhur iaitu bersyukur kepada Allah dan mengenang budi sesama manusia serta teruskan usaha meningkatkan tahap pencapaian ekonomi dan ilmu pengetahuan termasuk teknologi maklumat.

Klimaks lawatan itu ialah apabila Dr Mahathir, ketika merasmikan Smartlab Sekolah Sultanah Asma di sini sebagai acara akhir lawatan, terpaksa menamatkan ucapannya lebih awal kerana beliau tiba-tiba dikuasai perasaan hiba.

Sebak dan genangan air mata Dr Mahathir datang semasa beliau membuat rayuan penuh emosi di hadapan kira-kira 1,000 guru dan ibu bapa supaya memberi penekanan kepada murid khususnya Bumiputera supaya menerapkan budaya masyarakat Cina tekun belajar dan tidak mudah terpesong tumpuan oleh hal di luar bidang mereka.

Hadirin yang terdiri daripada guru-guru dan ibu bapa senyap sunyi tetapi tidak sedikit yang duduk di barisan belakang tidak menunjukkan sebarang tanda berkongsi perasaan hiba Dr Mahathir, seolah-olah ia kejadian biasa dan air mata seorang Perdana Menteri tidak memberi apa-apa makna.

Mudah-mudahan apa yang dialami secara spontan oleh Dr Mahathir itu tidak dianggap sebuah lakonan sekadar mendapatkan simpati politik.

Adakah masalah pelajar Melayu mudah terpesong tumpuan terhadap usaha menuntut ilmu oleh hal di luar bidang mereka, benar-benar dipadang serius oleh Dr Mahathir yang pernah menjadi Menteri Pendidikan di tahun 1970-an. Adakah sebak yang menyerang dan air mata yang tergenang merupakan manifestasinya pandangan beratnya terhadap masalah itu yang semakin ketara akhir-akhir ini.

"Saya ingin tahu berapa pelajar yang terlibat dalam demonstrasi dan

menendang kereta dan membakar tong sampah di Kuala Lumpur baru-baru mencapai keputusan cemerlang," beliau berkata pada sidang berita selepas melancarkan 'Jaguh' model kedua motosikal nasional 175cc keluaran Modenas di kilangnya di Gurun sehari sebelumnya.

Dr Mahathir juga mendedahkan di sidang akhbar itu beliau mempunyai bukti pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia Siddiq Fadzil, bekas presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), menghasut pelajar membenci beliau ketika mengajar Sejarah Islam dengan menyamakan beliau dengan raja Mesir purba yang kejam Firaun dan Namrud, serta Qarun, manusia tamak kekayaan dunia yang dilaknati Tuhan.

Mengapa Dr Mahathir memilih pentas pelancaran motosikal nasional itu, satu daripada tujuan utama lawatannya ke negeri Kedah, untuk menarik perhatian masyarakat terhadap masalah tumpuan pelajar Bumiputera terhadap pelajaran dipesongkan oleh mereka yang berkepentingan?

Dalam ucapan pelancaran itu beliau menyifatkan Modenas, selain Perusahaan Otomobil Nasional (Proton), sebagai usaha kerajaan memangkin perubahan masyarakat terutama Bumiputera.

"Modenas adalah pemangkin merubah bangsa yang hanya tahu bertani dan makan gaji di zaman penjajahan kepada bangsa yang mahir bertukang (menguasai kemahiran teknologi) selepas Merdeka," katanya.

Kesinambungan hidup orang Melayu, tegasnya, bergantung kepada keupayaan menguasai ilmu dan teknologi serta kemampuan bersaing dengan bangsa-bangsa lain dalam bidang ini.

"Amat menyedihkan sekali di zaman ini ketika kita perlu kepada lebih banyak tukang dan cerdik pandai, dan kita beri biasiswa untuk melahirkan doktor dan jurutera, dan menanggung 90 peratus kos universiti, ada orang datang menghasut pelajar," katanya.

"Kita ingin melihat mereka pandai dengan belajar sepenuh masa. Sebab itu kita (Umno) tak mahu mengganggu mereka," katanya merujuk kepada pendirian partinya selama ini tidak mendekati dan menggalakkan pelajar berpolitik.

Sebelum merayu guru-guru supaya membimbing pelajar menumpukan masa dan fikiran kepada ilmu dan beliau menjadi sebak, Dr Mahathir memberi amaran bahawa "Bangsa yang tidak menguasai teknologi maklumat akan dikuasai oleh bangsa yang menguasainya, kerana IT akan menguasai dunia."

Mereka yang skeptikal mungkin berpendapat kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Dr Mahathir khuatir terhadap "kuasa mahasiswa".

Tetapi hakikatnya semua tahu siapakah yang rugi kalau pelajar terpesong tumpuan terhadap pelajaran misalnya lebih banyak menghabiskan masa mendengar ceramah politik dan menyertai demonstrasi? Sejauh manakah parti pembangkang telah menunjukkan minat dan pandangan berat terhadap pencapaian pelajar? Tahu sama tahu (TST).

Lawatan Dr Mahathir ke Kampung Ketol, Batu 17, mukim Tunjang dalam kawasan Parlimen Kubang Pasu sebelah petang hari pertama lawatannya disambut oleh deretan bendera PAS yang berselang seling dengan bendera Umno.

Beliau sedikitpun tidak gentar malah kelihatan agak terhibur dengan keadaan itu apabila dalam ucapannya kemudian menyifatkan kehadiran bendera parti-parti politik sebelah menyebelah itu sebagai tanda harmoni masyarakat yang berbeza fahaman politik.

"Begitulah masyarakat kita, harmonis. Walaupun berbeza parti politik tetapi kita jangan bertengkar terutama apabila bercakap pasai politik," nasihat beliau dalam loghat tempatan dengan penuh mesra.

"Saya cuma nak nasihat jangan menyalah gunakan masjid untuk kepentingan politik. Masjid tempat penting bagi masyarakat kita Islam, tempat pereratkan hubungan silaturrahim," katanya.

Beliau berhenti berucap sebentar menghormati azan Asar dan menyambung

semula ucapannya dengan menasihatkan penduduk kampung itu bahawa Islam tidak menyuruh sesama Islam memaki hamun dan melempar fitnah.

Hampir semua bendera PAS yang dikibarkan di kampung itu yang diperbuat daripada kain kapas, kelihatan baru dan masih ada tanda lipatan.

"Saya bukan datang nak berkempen. Saya sendiri tidak tahu bila pilihan raya. Belum ada ilham. Lebih baik kain hijau yang ada kita buat baju anak-anak," katanya sebagai penutup kata.

--BERNAMA

ZKS RI